



SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS) 2019 PERINGKAT KEBANGSAAN

SHAH ALAM, 10 NOVEMBER 2019 – YAB Tuan Amirudin bin Shari, Dato’ Menteri Besar Selangor bersama YB Tuan Haji Khalid Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan telah menyempurnakan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2019 Peringkat Kebangsaan di Dataran Kemerdekaan Shah Alam, Selangor. Sambutan HPBS pada tahun ini mendapat kerjasama rakan strategik iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Landskap Negara (JLN), Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang mempunyai kursus dalam bidang perancang bandar, komuniti dan lain-lain lagi.

Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2019

HPBS adalah satu sambutan yang sangat istimewa disambut untuk **menghargai sumbangan Perancang Bandar atau townplanner** bukan sahaja dalam agensi kerajaan tetapi juga di agensi swasta. *Townplanner* ini adalah ‘orang yang merancang guna tanah perbandaran dan desa secara teratur untuk memberi kehidupan yang selesa kepada penduduk’. PLANMalaysia telah menyambut HPBS ini **sejak tahun 1988 dan telah menjadi sebagai agenda tahunan**. Sambutan ini diadakan pada 8 November setiap tahun dan mula diperkenalkan sejak 56 tahun yang lalu juga disambut oleh hampir 30 buah negara di seluruh dunia. Di Malaysia, PLANMalaysia menjadikan bulan November adalah sebagai bulan untuk sambutan HPBS.

‘**Green And Community : Together Is Better**’ (Komuniti dan Hijau : Bersama Berganding Bahu) adalah tema yang dipilih oleh PLANMalaysia untuk sambutan HPBS tahun 2019. Pemilihan tema ini adalah **selaras dengan bidang tugas utama PLANMalaysia** dalam merancang pembangunan mampan dan sentiasa menitikberatkan keperluan pembangunan semasa tanpa menjelaskan keupayaan memenuhi keperluan untuk generasi pada masa hadapan. Begitu juga dengan peranan **PLANMalaysia sebagai antara peneraju pelaksanaan New Urban Agenda (NUA)** di Malaysia. NUA atau Agenda Perbandaran Baharu merupakan blueprint yang menjadi panduan kepada semua stakeholders ke arah mencapai status pembangunan mampan menjelang tahun 2030. Agenda ini menjadi rujukan bukan di Malaysia sahaja, malahan di seluruh dunia.

Selain itu, tema ini juga adalah **selaras dengan Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat** yang mengintegrasikan nilai kerohanian dalam perancangan serta mengambil kira hubungan di antara manusia dengan manusia, manusia dengan pencipta dan manusia dengan alam sekitar. Dalam konteks ini, *community* adalah manusia dan *green* adalah alam sekitar. *Together Is Better* pula adalah gambaran betapa pentingnya kebersamaan komuniti, agensi kerajaan dan swasta dalam pelbagai aspek bagi menjayakan sesuatu agenda. Peranan komuniti amatlah diharapkan bagi menyokong usaha-usaha menggiat dan melaksanakan inisiatif-inisiatif yang berkaitan dan saling bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) atau agensi-agensi kerajaan dalam membantu pembentukan komuniti yang inklusif dan berdaya huni.

Terdapat dua (2) anugerah utama yang disampaikan sempena sambutan HPBS iaitu **Penghargaan Bandar Mampan Tahun 2018 (MURNINets)** dan **Anugerah Kejiranran Hijau Tahun 2019**. MURNINets merupakan satu pengiktirafan kepada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) yang telah melaksanakan dan menepati kriteria kemampanan bandar di kawasan pentadbiran masing-masing. Di dalam MURNINets, terdapat survey berkaitan pengukuran indeks kebahagiaan meliputi 14 aspek utama seperti aspek kehidupan, kesihatan, hubungan kekeluargaan dan jiran tetangga, pengurusan kewangan, aktiviti komuniti, keselamatan, penyediaan kemudahan, perkhidmatan PBPT dan wakil rakyat serta kualiti alam sekitar. Anugerah Kejiranran Hijau pula adalah untuk memberi galakan kepada Kerajaan Negeri dan PBPT meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat melalui program-program penghijauan dan penglibatan penduduk setempat.

Semua pihak perlulah berganding bahu dan sama-sama menghayati kepentingan pembangunan bandar rendah karbon selaras dengan penekanan di peringkat global dan juga dasar-dasar negara yang berkaitan untuk menangani kesan perubahan iklim negara, melalui pengurangan gas rumah hijau dengan penggunaan infrastruktur mampan dan pembangunan bandar rendah karbon.

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang telah dilancarkan baru-baru ini turut menyentuh berkenaan **Aktiviti Ekonomi Hijau** yang merangkumi aktiviti seperti pembinaan bangunan hijau, pengangkutan dan mobiliti lestari, kedaulatan dan jaminan bekalan makanan, tenaga dan lautan, produk gantian plastik, bandar pintar dan lestari, pembangunan persisir yang mampan, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, teknologi adaptasi iklim dan pertanian organik. Ekonomi hijau juga merujuk kepada pembentukan sebuah ekonomi kitaran yang mampu beroperasi tanpa sisa buangan (*zero waste*).

Adalah menjadi tanggungjawab semua untuk mendokong WKB 2030 dalam merealisasikan komuniti rendah karbon yang dicita dan diusahakan selama ini dengan lebih efisyen. Maka bertepatanlah fokus utama PLANMalaysia melalui sambutan pada tahun ini iaitu Hijau dan Komuniti. Semua pihak terutamanya di peringkat Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) perlulah bersama-sama terlibat secara aktif dalam mengekalkan kehijauan alam sekitar.

Pelancaran Logo Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM)

Bersempena dengan sambutan HPBS 2019, YB Tuan Haji Khalid Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan juga telah menyempurnakan **pelancaran Logo Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM)**. LPBM telah ditubuhkan pada 1 Januari 1996 di bawah peruntukan Seksyen 3, Akta Perancang Bandar 1995 [Akta 538] merupakan satu badan yang bertanggungjawab untuk mengawal selia profesion Perancang Bandar yang hendak menjalankan amalan profesionalnya di Malaysia.

Anggota Lembaga dilantik oleh Menteri yang bertanggungjawab kepada perancangan bandar dan desa. Pelantikan hendaklah untuk tempoh tidak melebihi 3 tahun namun layak dilantik semula apabila habis tempoh jawatan tetapi tidak boleh dilantik lebih daripada 3 penggal berturut-turut. Walau bagaimanapun, keanggotaan Presiden Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) dan Presiden Persatuan Pegawai Perancang Bandar dan Desa Malaysia (PERSADA) dalam LPBM adalah secara automatik.

Logo yang dibentuk melalui **huruf LPBM adalah menyerupai susun atur perbandaran dan diadaptasi dari khat kufi**. Ini menunjukkan LPBM adalah **sebuah organisasi yang mengawal selia profesion Perancang Bandar dalam merancang pembangunan di Malaysia** selaras dengan kemajuan negara. Selain itu, ia juga mengambarkan LPBM memberi penekanan kepada doktrin perancangan dan pembangunan sejagat yang mementingkan kesepadan dan keseimbangan pembangunan fizikal, nilai kerohanian serta alam sekitar.

Dua kotak kecil pada huruf P dan B mewakili Lembaga dan masyarakat umumnya. Logo LPBM dalam bentuk geometrik mewakili organisasi yang kuat dan kukuh dari segi pentadbiran. Warna oren (*mandarin orange*) menunjukkan organisasi ini optimis, percaya diri dan mampu berinteraksi dengan pihak luar. Manakala, warna biru tua (*deep blue*) mewakili warna korporat kerana biru sering dikaitkan dengan rasa professional, kepercayaan terhadap organisasi, kemampuan berkomunikasi dan simbol kekuatan.

Disediakan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat
PLANMalaysia**